



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

### **GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PENGELASAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONGAN (PPP), SPA DAN PUSAT URUT KAKI (PUK) KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA (MoTAC) MELALUI PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

#### 1. LATAR BELAKANG

##### 1.1 PREMIS PENGINAPAN DAN PELANCONG (PPP)

- i. Dalam peraturan 8 Penggredan Premis Penginapan Pelancong yang terkandung dalam Akta Industri Pelancongan 1992 dan Peraturan-Peraturan telah menyatakan Pesuruhjaya hendaklah menggredkan premis penginapan pelancong sebagaimana yang difikirkannya patut mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta dan Peraturan-peraturan ini." Skim Pengelasan Hotel telah dilaksanakan sejak 1996 bagi penarafan Bintang dan 1999 bagi penarafan Orkid secara sukarela (*voluntary basis*). Pada 2010, Kementerian ini telah melaksanakan penarafan dengan menggunakan Kriteria Minimum Pengelasan Premis Penginapan Pelancong iaitu taraf 1-5 Bintang untuk hotel, 3-5 Bintang untuk hotel apartment dan 1-3 Orkid untuk hotel yang tidak dapat dikelaskan mengikut taraf bintang.
- ii. Memandangkan industri pelancongan merupakan industri yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut konsep dan trend semasa, Bahagian ini sering kali menerima permohonan supaya diwujudkan kriteria baru premis penginapan pelancong iaitu Hotel Pulau/Pantai, Hotel Tanah Tinggi dan Hotel Butik. Sehubungan itu, atas kerjasama persatuan-persatuan hotel

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

dan pemilik–pemilik hotel tempatan yang terdiri daripada pelbagai kategori, Bahagian ini telah mengadakan 3 siri bengkel pada tahun 2013 untuk membangunkan kriteria–kriteria bagi Hotel Bandar, Resort - Hotel Pulau/Pantai/Tasik/Sungai, Hotel Tanah Tinggi dan Hotel Butik berdasarkan kriteria pengelasan sedia ada dan mengambilkira penilaian pengelasan premis penginapan pelancong di peringkat antarabangsa.

## **1.2 SPA DAN PUSAT URUTAN KAKI (PUK)**

- i. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia telah membentangkan kertas cadangan Pengklasifikasian Spa dan Urutan Refleksologi pada Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-63 pada 2 September 2010; **dan**
- ii. Hasil daripada pembentangan tersebut, Mesyuarat MNKT Ke-63 telah bersetuju agar:
  - KPL melaksanakan sistem pengelasan spa dan pusat refleksologi tanpa melibatkan pendaftaran dengan KPL, dan
  - dengan kerjasama daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan sistem pengelasan tersebut.
- iii. Pengelasan Spa mula diperkenal dan dilaksanakan oleh KPL pada bulan Februari 2011. Manakala, Pengelasan Pusat Urutan Kaki (PUK) mula dilaksanakan oleh KPL pada bulan Mac 2013.

## **2. OBJEKTIF**

Tujuan garis panduan ini adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kecekapan penarafan dengan memberi tanggungjawab kepada pengurusan premis melalui penilaian sendiri. (*Good governance*);
- ii. Meningkatkan akauntabiliti pengurusan premis dalam memastikan kemudahan dan perkhidmatan mencapai taraf yang disasarkan. (*Empowerment*);

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI  
PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

- iii. Mempraktikkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan penilaian sendiri. (*Self-regulatory*); dan
- iv. Mewujudkan kebertanggungjawaban bersama dalam melaksanakan penilaian sendiri. (*Smart partnership*).

### 3. SYARAT-SYARAT ASAS

Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat asas bagi membolehkan penilaian seperti berikut:

| BIL. | PERKARA                                  | PPP   | SPA/PUK   |
|------|--|---|---|
| 1    | <b>Pendaftaran Premis</b>                | Berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC). ( <i>Voluntary basis</i> )  | Premis SPA dan PUK tidak perlu berdaftar dengan MoTAC   |
| 2    | <b>Pengelasan</b>                        | Pengelasan telah diberikan oleh MoTAC   |   |
| 3    | <b>Lesen Perniagaan</b>                  | Mempunyai lesen perniagaan yang masih sah dan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)  |   |
| 4    | <b>Fire Certificate (FC)</b>             | FC yang dikeluarkan oleh Jabatan BOMBA dan Penyelamat Malaysia masih sah  | tiada keperluan sekiranya kurang daripada 4 tingkat dan langkan terbuka ( <i>design of open led passage</i> ) |
| 5    | <b>Keahlian Persatuan</b>                | Menjadi ahli persatuan yang telah diiktiraf oleh MoTAC  |   |
| 6    | <b>Pengoperasian Premis</b>              | Hendaklah telah beroperasi dan menawarkan perkhidmatan sepenuhnya   |   |
| 7    | <b>Permohonan Pembaharuan Pengelasan</b> | Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan sebelum 3 bulan Sijil Pengelasan tamat.<br><br>Permohonan pembaharuan pengelasan PPP, SPA dan PUK yang telah tamat tempoh masih boleh diterima |   |

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI  
PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

| BIL. | PERKARA                            | PPP  | SPA/PUK |
|------|------------------------------------|--|---------|
| 8    | <b>Penilaian Semula</b>            | <p>MoTAC berhak menjalankan pemeriksaan semula pada bila-bila masa berdasarkan keperluan atau apabila aduan diterima.</p> <p>Pejabat MoTAC Negeri hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya sebelum aktiviti pemeriksaan semula dijalankan. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 5 hari bekerja kepada Ibu Pejabat MoTAC Putrajaya.</p> <p>Pasukan Pemeriksa hendaklah memperkenalkan diri dan mempamerkan pengenalan diri sebagai panel pemeriksa yang bertauliah kepada pengurusan premis sepanjang aktiviti dijalankan.</p> |         |
|      | Dokumen-dokumen sokongan/ tambahan | MoTAC berhak memohon dan mengakses dokumen – dokumen berkaitan pada bila-bila masa untuk tujuan semakan pemeriksa pengelasan   |         |

**4. DOKUMEN-DOKUMEN DIPERLUKAN**

Pemohon mestilah mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

| BIL. | PERKARA                               | PPP   | SPA/PUK   |
|------|---------------------------------------|---|---|
| 1.   | Borang Pemeriksaan Pengelasan         | Borang Pemeriksaan Pengelasan PPP             | Borang Pemeriksaan Pengelasan Spa dan PUK         |
| 2.   | Laporan Pemeriksaan Pengelasan        | Laporan Pemeriksaan Pengelasan PPP            | Laporan Pemeriksaan Pengelasan Spa dan PUK        |
| 3.   | Laporan Gambar Pemeriksaan Pengelasan | Laporan Gambar Pemeriksaan Pengelasan PPP     | Laporan Gambar Pemeriksaan Pengelasan Spa dan PUK |
| 4.   | Sijil Pendaftaran                     | Sijil Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong | Tidak Berkaitan                                   |
| 5.   | Sijil Pengelasan                      | Sijil Pengelasan Premis Penginapan Pelancong  | Sijil Pengelasan Spa dan Pusat Urutan Kaki        |
| 6.   | Keahlian Persatuan                    | Sijil Persatuan yang diiktiraf oleh MoTAC     |   |

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI  
PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

| BIL. | PERKARA   | PPP   | SPA/PUK  |
|------|---|---|--|
| 7.   | Lesen Perniagaan  | Lesen Perniagaan<br>Premis Penginapan<br>Pelancong  | Lesen Perniagaan Spa<br>dan Pusat Urutan Kaki  |
| 8.   | <i>Fire Certificate</i> (FC)                                | <i>Fire Certificate</i> (FC) PPP<br>daripada Jabatan Bomba<br>& Penyelamat Malaysia   | Tiada keperluan<br>sekiranya bagi premis<br>reka bentuk laluan<br>langkan terbuka ( <i>design<br/>of open led passage</i> ) di<br>mana mempunyai empat<br>(4) tingkat dan ke atas<br>serta lebih daripada 50<br>buah bilik   |
| 9.   | Notifikasi Produk<br>(NOT)                                  | Tidak Berkaitan   | Mendapat kelulusan<br>penggunaan produk<br>daripada Kementerian<br>Kesihatan Malaysia<br>(KKM)   |
| 10.  | <i>Standard Operating<br/>Procedures</i> (SOPs)             | Tidak Berkaitan   | Premis Spa dan PUK<br>perlu menyediakan<br>SOPs  |
| 11.  | Sijil suntikan <i>typhoid</i><br>bagi pengendali<br>makanan | Jika menyediakan kemudahan F & B  |  |
| 12.  | Dokumen - dokumen<br>Tambahan                               | Jika berkaitan:<br>- Sijil pengiktirafan<br>peringkat nasional/<br>antarabangsa/;<br>- Surat Pengecualian<br>menyediakan<br>kemudahan Orang<br>Kurang Upaya (OKU)/;<br>- Surat Persetujuan<br>perkhidmatan<br><i>outsource</i> di premis<br>ditaraf/;<br>- Permit Pekerja Asing/;<br>- Laporan Sumber<br>Manusia/ Latihan/;<br>- Laporan kos<br>penambahbaikan<br>fasiliti;<br>- Sijil/ pelaporan/ surat<br>dan sebagainya yang<br>berkaitan untuk<br>menyokong | Jika Berkaitan:<br>- Salinan Passport /<br>Visa Pekerja<br>Asing;<br>- Salinan Permit<br>Pekerja Asing;<br>- Surat<br>Pengecualian<br>Khas Pekerja<br>Asing;<br>- Salinan Sijil<br>Kelayakan<br>Akademik;<br>- Salinan Kursus<br>Kelayakan<br>berkenaan; atau<br>- Selain di atas. |

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI  
PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

| BIL. | PERKARA | PPP  | SPA/PUK |
|------|---------|--|---------|
|      |         | pembaharuan penarafan; atau<br>- Selain di atas. |         |

**5. MEKANISME PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI (SELF ASSESSMENT)**

Bagi maksud pelaksanaan pemeriksaan ini peranan dan tanggungjawab pelaksanaan penilaian sendiri dibahagikan seperti berikut:

**i. PREMIS PPP/ SPA/ PUK**

- Mengemukakan Borang Pemeriksaan Pengelasan PPP / Spa / PUK yang lengkap diisi (rujuk lampiran disertakan);
- Mengemukakan Laporan Pemeriksaan Semula PPP / Spa / PUK beserta gambar premis (rujuk lampiran disertakan);
- Pengurusan premis PPP / Spa / PUK hendaklah menandatangani dan mengesahkan borang penilaian serta laporan pembaharuan pengelasan sebelum dihantar ke Pejabat MoTAC Negeri masing-masing; dan
- Pengurusan premis PPP / Spa / PUK hendaklah menandatangani Surat Aku Janji Pemeriksaan Semula. (**Borang PPP / SPA / PUK 2**)

**ii. Pejabat MoTAC Negeri**

- Menerima dan menyemak Senarai Semak Permohonan Pengelasan, Borang Pemeriksaan Pengelasan, Laporan Pemeriksaan Semula, Surat Aku Janji Pemeriksaan Semula dan dokumen-dokumen yang berkaitan PPP/ Spa / PUK;
- Mengemukakan syor penarafan PPP/ Spa / PUK kepada Ibu Pejabat MoTAC Putrajaya dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima laporan daripada premis; **dan**
- Menyerahkan sijil penarafan kepada premis PPP/ Spa / PUK setelah menerima Surat keputusan dan Sijil Pengelasan PPP / Spa / PUK dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh terimaan.

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI  
PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

**iii. Ibu Pejabat MoTAC Putrajaya**

- Menerima dan menyemak Borang Pemeriksaan Pengelasan, Laporan Pemeriksaan Semula dan dokumen-dokumen berkaitan;
- Mengurusetikan Mesyuarat Pra Panel Pengelasan dan Mesyuarat Panel Pengelasan PPP, Spa dan PUK mengikut ketetapan tarikh mesyuarat yang dijadualkan;
- Membentangkan syor dan laporan pengelasan PPP / Spa / PUK; dan
- Mengeluarkan surat keputusan dan sijil pengelasan PPP / Spa / PUK kepada Pejabat MoTAC Negeri dalam tempoh 7 hari bekerja selepas Mesyuarat Panel Pengelasan PPP, Spa dan PUK bersidang.

**6. CARTA ALIR**

Carta alir kerja seperti di Lampiran.

**7. PIAGAM PELANGGAN**

Ibu Pejabat MoTAC:

Ibu Pejabat akan mengeluarkan surat keputusan dan sijil pengelasan dalam tempoh 7 hari bekerja kepada Pejabat MoTAC Negeri selepas Mesyuarat Panel Pengelasan PPP / Spa / PUK bersidang

Pejabat MoTAC Negeri:

Surat keputusan dan sijil pengelasan hendaklah dikemukakan kepada premis PPP / Spa / PUK dalam tempoh 7 hari bekerja

**8. RAYUAN PENGELASAN**

Sebarang rayuan keputusan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat MoTAC Negeri dalam masa tempoh 14 hari bekerja daripada Surat Keputusan diterima dan Pejabat MoTAC Negeri hendaklah kemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh 7 hari bekerja.


**9. TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **01 September 2020**.

Bahagian Pelesenan Pelancongan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENGELASAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PENGELASAN PPP / SPA / PUK MELALUI PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**





**GARIS PANDUAN NORMA BAHARU AKTIVITI PEMBAHARUAN PPP, SPA & PUK MoTAC MELALUI  
PENILAIAN KENDIRI (SELF-ASSESSMENT)**

